

07/02/1999

Pemulihan jauh lebih pantas

Azizi Othman in London

LONDON: Malaysia dijangka mampu kembali meraih status harimau ekonomi Asia yang pernah dinikmatinya satu ketika dulu lebih pantas daripada dijangkakan sebelum ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tanpa memberi sebarang tempoh untuk itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia dijangka mampu dikenali semula sebagai harimau ekonomi Asia lebih awal daripada negara Asia Timur lain yang dilanda kegawatan ekonomi seperti Thailand, Indonesia, Korea dan Singapura.

Menurutnya, keyakinan itu dibuat berlandaskan kepada pelbagai perkembangan semasa yang menunjukkan pemulihan ekonomi Malaysia kini jauh lebih cepat daripada dijangkakan.

"Satu daripada faktor utama membantu pemulihan pantas ini ialah kerana kita tidak tunduk kepada (syarat pakej bantuan pinjaman) Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) seperti beberapa negara Asia Timur lain."

"Ini membolehkan kita menentukan urusan kewangan kita sendiri dan langkah kawalan modal yang dilaksanakan banyak membantu pemulihan," katanya dalam perjumpaan dengan wakil Kelab Umno United Kingdom dan Eire di sini, semalam.

Menurut Perdana Menteri, hari ini ekonomi Malaysia jelas semakin pulih dan ia terbukti dengan pelbagai statistik ekonomi terbaru seperti rizab negara yang meningkat hampir 40 peratus daripada AS\$20 bilion (RM76 bilion) kepada AS\$28 bilion (RM106.4 bilion) dalam tempoh singkat.

"Dari segiimbangan perdagangan pula kita mencatat angka yang positif kerana eksport negara kini lebih banyak berbanding import walaupun dulu kita mempunyai defisit berikutan import melebihi eksport," katanya.

Selain itu Dr Mahathir berkata, peluang pekerjaan juga tidak berkurangan dengan banyak kerana kita sebenarnya mempunyai 100,000 kekosongan jawatan manakala jumlah kakitangan yang diberhentikan hanya 50,000 setakat ini.

"Jualan kenderaan bermotor meningkat dan begitu juga dengan pembelian rumah oleh rakyat. Pada masa sama operasi perniagaan dan syarikat juga semakin pulih," katanya.

Bagaimanapun Perdana Menteri mengingatkan bahawa rakyat Malaysia perlu terus berdisiplin dan tegas dalam menghadapi permasalahan semasa jika mahu melihat ekonomi negara pulih dengan lebih pantas lagi.

"Kalau kita berdisiplin, tidak terlalu berbelanja besar pada barangan import kita akan mempunyai lebihan dan jadi kaya serta terus kaya, sekali gus menyebabkan kuasa luaran tidak dapat menekan kita."

"Ini semua bergantung kepada pemahaman kita dengan apa yang harus dibuat. Jika kita sanggup bekerja keras dan bersusah payah buat sementara ini, insya-Allah kita akan pulih serta mampu mencapai matlamat yang disasarkan, iaitu kembali menjadi harimau ekonomi Asia seterusnya negara maju pada tahun 2020," katanya.

Sebelum itu Dr Mahathir dalam amanatnya kepada wakil Kelab Umno UK dan Eire mengingatkan mereka pentingnya usaha ditumpukan oleh kalangan pelajar ke arah menuntut ilmu dan memelihara kepentingan negara.

Menurutnya, sebagai pelajar mereka perlu sedar bahawa tugas utama menuntut di luar negara ialah menimba ilmu dan tidak terpengaruh dengan kecenderungan parti pembangkang menggunakan pelajar untuk meruntuhkan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, parti pembangkang sentiasa menggunakan strategi mempengaruhi pelajar supaya tidak berterima kasih kepada kerajaan walaupun

ia jelas bertentangan dengan nilai agama yang dikatakan menjadi teras pegangan parti berkenaan.

Menurut Perdana Menteri, penubuhan Kelab Umno di pusat pengajian tinggi seberang laut sebenarnya bukan bertujuan mahu mengheret pelajar ke kancah politik sebaliknya hanya untuk mengimbangi pengaruh parti pembangkang dalam institusi seumpama itu.

Dr Mahathir tiba di sini, pagi semalam dalam perjalanan menghadiri Sidang Kemuncak Pemimpin Negara G-15 di Jamaica. Selepas perjumpaan itu, Perdana Menteri melawat pusat pembangunan dan penyelidikan (R&D) Frazer Nash di Surrey dan mengadakan dialog dengan penuntut Malaysia di Malaysia Hall.

Perdana Menteri menunda penerbangannya ke Jamaica yang dijadualkan hari ini kepada esok untuk satu program peribadi.

(END)